# Media coverage from Berita Harian (17-08-2009)



TUN DR MAHATHIR bersama graduan yang menerima anugerah. Dari kiri; Natasya Ng Jia Wyen (Anugerah Canselor Perak), Mohamad Assad (Anugerah Canselor Gangsa), Hanisah Abdul Halim (Anugerah Canselor Emas) dan Mohd Irwan Tuan Daud.

## Graduan digesa jangan salah guna ilmu dipelajari

SERI ISKANDAR: Graduan universiti mesti sentiasa memberi sumbangan terbaik sama ada dari segi etika kerja, buah fikiran dan pengurusan untuk membawa kejayaan kepada organisasi tempat mereka bertugas.

Bekas Perdana Menteri yang juga Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP), Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pendidikan universiti memberi graduan kehidupan yang selesa dan mereka patut membalas budi itu dengan menjaga nama baik institusi yang mendidik mereka.

Beliau berkata, graduan tidak patut menggunakan ilmu dan kecekapan mereka untuk mencari kelemahan pihak lain dan mengaut keuntungan peribadi serta mengakibatkan orang lain menjadi mangsa.

"Jika anda dituduh menipu, orang lain akan bercakap, 'Oh! Dia dari UTP. Ini tidak sepatutnya berlaku," katanya dalam ucapan khas selepas menyampaikan ijazah kepada kira-kira 500 graduan dalam Konvokesyen Kesembilan UTP di sini, semalam.

Hadir sama Pro-Canselor UTP, Tan Sri Mohd Hassan Marican; Rektor UTP, Datuk Dr Zainal Abidin Kasim dan isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata, salah satu punca krisis ekonomi global sekarang disebabkan golongan terpelajar yang menggunakan kecekapan mereka untuk mencari kelemahan sistem kewangan dan perbankan bagi mengaut keuntungan peribadi.

Beliau mengambil contoh Bernard Madoff yang menawarkan pelaburan skim Ponzi di Amerika Syarikat dan mengaut keuntungan berbilion dolar tetapi pada masa sama menyebabkan orang lain kehilangan semua wang milik mereka..

"Hari ini, ekonomi dunia runtuh kerana golongan terpelajar, iaitu graduan dari universiti terbaik dunia mencipta formula matematik atau sistem lain untuk mengaut keuntungan peribadi.

"Mereka cemerlang dalam aspek menyalahgunakan sistem. Contohnya, dalam sistem perbankan, mereka melihat peluang untuk mendapat dana untuk pelaburan, walaupun dana ini tidak disokong oleh apa-apa instrumen kewangan," katanya.

## Kecacatan tidak halang Mohd Irwan cemerlang

SERI ISKANDAR: Tuan Mohd Irwan Tuan Daud, 22, bukan saja cacat di kaki sejak lahir, malah dia seorang kanak-kanak cekal dan tabah dalam mengharungi hidup ini selepas bapanya, Tuan Daud Tuan Yaakob meninggal dunia ketika dia berusia lima tahun.

Sejak itu, Irwan yang hanya mempunyai ketinggian 98 sentimeter (sm) dibesarkan oleh datuknya, Tuan Yaakob Tuan Man, 74, dan neneknya, Tuan Embong Tuan Kecik, 73.

Namun, kekurangan itu tidak menghalangnya untuk hidup normal seperti orang lain termasuk belajar dan mencapai kecemerlangan.

Bahkan, ketika ditemu bual sebelum mengambil ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini, semalam, dia meminta wartawan supaya tidak menulis seolah-olah dia cuba meraih simpati masyarakat.

"Saya hidup seperti biasa. Berjalan, makan minum, belajar semuanya normal," katanya selepas bergambar dengan Canselor UTP, Tun Dr Mahathir Mohamad di sini, semalam.

Berasal dari Pasir Putih, Kelantan, Irwan yang mendapat ijazah kelas kedua atas sudah ditemu duga oleh Petronas.

Beliau yang menerima biasiswa Petronas sepanjang pengajian di UTP berharap mendapat pekerjaan sebagai penyelidik dalam bidang elektronik.

# Media coverage from The Star (17-08-2009)



## Walking tall with 'honours'

### Irwan never lets his disability distract him from his studies

**SERI ISKANDAR:** Standing less than a metre, Tuan Mohd Irwan Tuan Daud nevertheless walks tall as he graduates with a second class upper (honours) in Electrical and Electronic Engineering from Universiti Teknologi Petronas (UTP).

The 22-year-old added another feather to his cap as he won the final year project award in his programme as well.

"I put all my focus in my studies and not let my disability be a distraction. I am also blessed with friends who do not have any qualms about helping me.

"My secret to success? Study hard, no shortcut to that," he told reporters after receiving his scroll from UTP chancellor Tun Dr Mahathir Mohamad at the ninth convocation ceremony here yesterday.

The young man from Pasir Putih, Kelantan, was looking for a job and had gone through several interviews.

"I hope to get a job dealing with research and development in the electric and electronic industry," he said, adding that those with disabilities should have move confidence and just go about the routines.

In his speech, Dr Mahathir advised the 1,169 graduates to work hard, earn an honest living and always uphold the good name of the university.

The graduates should never use their knowledge for selfish gains and cause grievances to others, he said.

"Whatever you earn, you must deliver in terms of services and ideas and not be accused of cheating people," he added.

Later, Dr Mahathir commented that individuals wishing to become politicians or leaders should avoid getting themselves involved in controversies.

The public would eventually find out about their scandals or their misdeeds, he said.

"We cannot hide things from the people, they will know about the things we do. If you wish to be involved in politics, do not get involved in undesirable matters," he said.

Dr Mahathir said this when asked to comment on the on-going feud between Transport Minister Datuk Seri Ong Tee Keat and Kuala Dimensi Sdn Bhd chief executive officer Datuk Seri Tiong King Sing.

The Port Klang Free Zone scandal, he said, would be a long-standing one, describing the open squabble between the two as damaging for the image of Barisan Nasional.

Ong is MCA president while Bintulu MP Tiong is Sarawak Progressive Democratic Party treasurer-general.



**Proud moment:** Dr Mahathir congratulating Irwan during the Universiti Teknologi Petronas' ninth convocation ceremony in Seri Iskandar yesterday.

# Media coverage from Berita Harian (17-08-2009)

## Kurang upaya bukan penghalang



TUAN Mohd. Irwan Tuan Daud berbual dengan Dr. Mahathir Mohamad sambil diperhatikan datuknya, Tuan Yaakob Mat dan nenek, Tuan Embong Tuan Kecik pada majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Petronas, semalam.

TRONOH 16 Ogos – Ketinggiannya hanya 98 sentimeter, namun keadaan itu tidak sedikit pun menjadi penghalang untuknya mencipta kejayaan cemerlang.

Tuan Mohd. Irwan Tuan Daud, 22, muncul antara pelajar cemerlang Universiti Teknologi Petronas (UTP) apabila lulus dengan keputusan Kelas Kedua Atas, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) Elektrik dan Elektronik.

Pada masa yang sama, beliau juga merupakan penerima Anugerah Projek Tahun Akhir.

Ketika ditemui, anak sulung daripada dua beradik ini berkata, beliau tidak pernah menjadikan kecacatan yang dialami sejak lahir itu sebagai alasan untuk tidak cemerlang seperti rakan-rakan normal lain.

Malah, katanya, seperti rakan-rakan lain, beliau juga berusaha bersungguh-sungguh untuk tidak menghampakan harapan menggunung keluarganya di kampung.

"Saya belajar seperti orang lain. Tiada beza," katanya pada majlis Konvokesyen Kesembilan Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini hari ini.

Kegembiraan Tuan Mohd. Irwan yang berasal dari Pasir Putih, Kelantan, sempena hari istimewanya itu turut diraikan oleh ibu, datuk dan neneknya.

Bagaimanapun, bekas pelajar tajaan Petronas ini memberitahu, beliau kini masih menunggu tawaran pekerjaan daripada syarikat-syarikat berkenaan.

"Saya ada menghantar permohonan kerja kepada dua, tiga syarikat dan telah menghadiri temu duga dengan Petronas baru-baru ini," katanya.

Ditanya apa nasihatnya kepada rakan-rakan kurang upaya lain supaya mereka juga menjadi cemerlang sepertinya, Tuan Mohd. Irwan berkata: "Jangan rasa rendah diri. Yang penting kita belajar bersungguh-sungguh."

Sementara itu, penerima Anugerah Canselor Emas, **Hanisah Abdul Halim**, 23, berkata, kejayaan yang dicapainya itu merupakan sesuatu di luar jangkaan.

"Saya bukan jenis pelajar yang rajin membaca buku. Masa saya juga banyak dihabiskan di padang untuk bersukan, tetapi mungkin cara belajar yang betul banyak membantu saya mencapai kejayaan," katanya.

Hanisah yang berasal dari Kuala Lumpur adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama Kejuruteraan Kimia.

Anugerah Canselor Perak pula menjadi milik **Natasya Ng Jia Wyen**, 23, (Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama, Kepujian Kejuruteraan Awam) manakala Anugerah Canselor Gangsa pula diterima **Muhammad Assad**, 22, yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama Teknologi Sistem Maklumat Perniagaan.

Muhammad yang berasal dari Indonesia juga menerima Anugerah Pelajar Sarjana Muda Antarabangsa Terbaik.

Demi kebaikan organisasi dan masyarakat

## Guna ilmu cara betul – Dr. M

Oleh SITI MARIAM MD. ZAIN
utusanperak@utusan.com.my

**TRONOH** 16 Ogos – Setiap siswazah yang memasuki alam pekerjaan wajar menggunakan ilmu pengetahuan dengan cara yang betul demi kebaikan organisasi dan masyarakat, bukan melakukan perkara-perkara yang mementingkan diri.

Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP), Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sikap dan komitmen yang ditunjukkan secara tidak langsung akan meningkatkan nama baik universiti malah imej negara di peringkat dunia.

"Jika semua siswazah mempunyai komitmen untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam bidang yang diceburi, ia bukan sahaja akan memberi kesan baik kepada diri sendiri dan keluarga tetapi universiti serta negara," katanya ketika berucap pada majlis Konvokesyen Kali Kesembilan UTP di sini hari ini.

Hadir sama, isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Pro Canselor UTP, Tan Sri Mohd. Hassan Marican; Pengerusi Lembaga Pengarah UTP, Datuk Ainon Marziah Wahi dan Rektor UTP, Datuk Dr. Zainal Abidin Kasim.

Dr. Mahathir yang juga bekas Perdana Menteri berkata, adalah penting golongan bijak pandai menggunakan ilmu yang diperoleh untuk tujuan murni.

Katanya, tanpa kesedaran tersebut, dunia akan terus berdepan dengan masalah dan akan lebih banyak lagi rakyat atau negara yang bakal miskin.

Beliau berkata, kejatuhan ekonomi dunia sebelum ini adalah disebabkan oleh tindakan segelintir golongan bijak pandai yang mementingkan diri.

Mereka ini ujarnya, menggunakan kebijaksanaan menerusi sistem tertentu untuk mengaut keuntungan tanpa memikirkan kesannya kepada pihak lain.

Mengambil contoh apa yang telah dilakukan oleh Bernard Madoff, pelabur terkemuka yang didapati bersalah kerana melakukan penipuan, katanya, tindakan menyalahgunakan sistem akhirnya memberi kesan buruk kepada dunia.

Tindakannya telah menyebabkan keseluruhan sistem runtuh dan ramai yang menderita kerana hilang wang pelaburan selain banyak negara menjadi miskin.

"Pihak yang melakukan jenayah ini sangat bijak dan merupakan pelajar cemerlang di universiti, tetapi disebabkan tamak, mereka menipu dan sanggup menyalahgunakan sistem untuk memperkayakan diri sendiri.

"Anda akan bertemu dengan banyak keadaan atau sistem yang memungkinkan wang diperoleh dengan mudah. Anda perlu ingat, kejayaan sebenar adalah berdasarkan kepada idea dan usaha. Itu melambangkan karektor seseorang. Jika berjaya hadapi cabaran, mereka akan kata, inilah hasil UTP," katanya.

Seramai 1,169 siswazah menerima ijazah masing-masing pada majlis Konvokesyen UTP tahun ini.



DARI kiri, Hanisah Abdul Halim, Muhammad Assad dan Natasha Ng Jia Weyn menunjukkan trofi Anugerah Canselor yang diterima mereka pada majlis Konvokesyen UTP ke-9 di Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, semalam.

# Media coverage from Berita Harian (19-08-2009)





MAHATHIR berbual dengan Tuan Mohd Irwan Tuan Daud selepas majlis konvokesyen UTP, baru-baru ini.

## Nasihat Dr Mahathir panduan pelajar UTP

SERI ISKANDAR: Beberapa ibu bapa dan graduan menitiskan air mata ketika graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Mohd Tarmidzi Shamsudin menyampaikan lagu *Ayah dan Ibu* dalam Konvokesyen Kesembilan Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini, baru-baru ini.

Lagu yang dipopularkan oleh Allahyarham Sudirman itu disampaikan dengan penuh perasaan sambil diiringi Kumpulan Keroncong UTP.

Pada penghujung lagu, kebanyakan hadirin sebak dan segelintir daripada mereka mengesat air mata kerana tidak dapat menahan kerinduan kepada ibu bapa masing-masing.

Sebelum itu, Canselor UTP, Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan graduan bahawa mereka terhutang budi kepada keluarga masing-masing kerana mengasuh mereka hingga berjaya melangkah ke universiti.

Sebelumnya, Kumpulan Koir UTP mendendangkan lagu *My Way* yang dipopularkan oleh Frank Sinatra.

Mendengar lagu kegemarannya, Dr Mahathir yang masih berada di atas pentas kelihatan menyanyi bersama-sama kumpulan berkenaan terutama ketika lirik, I did it my way.

Bekas Perdana Menteri itu sangat gembira dan tersenyum sepanjang lagu berkenaan disampaikan hingga mengangguk-angguk kepala ketika lagu didendangkan dengan intonasi tinggi.

# Media coverage from Sin Chew Daily (17-08-2009)



马哈迪（右）分享名誉校长大奖三名得主的喜悦。左起吴嘉雯、莫哈末阿沙和哈妮沙。

Sin Chew Daily 17/8/09, p6

## 工大1169人畢業9人獲博士

再那阿比丁说，国油工艺大学今年共有1千169名毕业生，其中9人考获博士学位、85人理科硕士学位和1千零75人考获科技及工程学士学位。

他指出，2001年成立至今，共培育了5千642名毕业生。今年初完成课程的学生，87%成功获得国内和海外的工作。

他说，该大学已积极设立“国油工艺大学基金”，通过筹款来发展国内的高等教育。